TAKAFUL WARGA PENDIDIK
PELAN SIMPANAN MUTIARA PLUS - NILAM BARAKAH

Takaful Nasional

Takaful Nasional Sdn Berhad
Aras 14, Bangunan Dato Zainal, 50100 Kuala Lumpur
Tel: 03-2612 5000 Fax: 03-2698 1010

Agensi Ikhlas Ja
35A, Jln Teras Jernang 27/8, 40000 Shah Alam, Selang
Tel: 03-5191 7360 Fax: 03-5192 48

Pelan Mutiara Plus - Nilam Barakah

Dalam usaha menyebarkan amalan Takaful di kalangan masyarakat di Malaysia, **Takaful Nasional Sdn Berhad** telah memperkenalkan **Pelan Takaful Mutiara Plus – Nilam Barakah,** iaitu perlindungan menurut **hukum-hukum syarak** yang telah disemak dan diluluskan oleh **Majlis Pengawasan Syariah** dan boleh disertai oleh semua bangsa. Pelan ini direka khusus untuk penyertaan **ahli-ahli NUTP** dan seisi keluarga mereka.

Daripada sumbangan bulanan peserta (ahli NUTP), **43%** akan dikreditkan ke dalam **tabung pelaburan** sebagai simpanan untuk hari tua (**Akaun Peserta - AP)** manakala 57% akan dikreditkan ke dalam **tabung khairat** (Akaun Khas Peserta - AKP) sebagai 'Tabarru' bagi tujuan perpaduan, keikhwanan dan kerjasama bagi membantu rakan-rakan peserta yang ditimpa malapetaka.

Takaful Nasional sebagai pengendali tabung-tabung tersebut akan melaburkan sumbangan-sumbangan yang terkumpul dan hasil keuntungan pelaburan tersebut akan dikongsi secara **Mudharabah**. Nisbah perkongsian untung dari tabung pelaburan ialah 80% kepada ahli dan 20% kepada Syarikat.

Apabila peserta berhenti dari menyumbang, berhenti kerja, bersara awal dan sebagainya, maka adalah wajib semua jumlah sumbangan bersama keuntungan Mudharabah dari tabung pelaburan akan dikembalikan. Sumbangan maksima yang dibenarkan adalah sebanyak **RM100** akan memberi manfaat penyakit kritikal maksimum sehingga **RM50,000.**

Mesej daripada Presiden NUTP

Saudara / Saudari,

Sebagai sebuah kesatuan guru yang ulung dan bertanggungjawab, NUTP sentiasa proaktif di dalam membela nasib kaum guru di Malaysia. Maka sekali lagi NUTP telah berjaya memberi peluang dan ruang kepada seluruh kaum guru khususnya ahli-ahli NUTP untuk menikmati kemudahan insuran diri dan waris berteraskan syariah.

NUTP berharap semua guru akan menyertai Insuran Kelompok Takaful Nasional ini sebagai langkah melindungi diri dan waris kerana insuran ini adalah MURAH, MUDAH DAN TINGGI FAEDAH.

Sekian, terima kasih

Anuar Ibrahim
Presiden
NUTP Malaysia

Mesej daripada Setiausaha Agung NUTP

Pihak NUTP sentiasa mengutamakan kebajikan ahli khasnya kesihatan dan tabungan di masa tua ahli.

Untuk tujuan ini, kami telah memperkenalkan Skim Insuran Takaful Mutiara Plus untuk memberi faedah maksima kepada setiap ahli NUTP.

Saudara / Saudari harus merebut peluang ini untuk menyertai Skim Insuran Takaful yang direka khas, bukan hanya setakat memberi perlindungan tetapi yang penting sekali manfaat simpanan kepada setiap ahli keluarga, terutamanya anak-anak kita di masa hadapan.

Kita mesti menyediakan **"payung sebelum hujan".**

(Lok Yim Pheng, PJK)
Setiausaha Agung
NUTP Malaysia

Manfaat Utama

SIMPANAN 43%

Manfaat Perlindungan
Pelan Mutiara Plus – Nilam Barakah menyediakan perlindungan Takaful dan manfaat tabungan kepada ahli-ahli NUTP.

Manfaat Perlindungan yang Tinggi
Pelan Mutiara Plus – Nilam Barakah memberikan manfaat berganda bagi Kematian dan Keilatan Kekal Menyeluruh akibat kemalangan termasuk:-

1. Bencana alam
2. Rusuhan awam (bukan sebagai peserta)
3. Kemalangan kenderaan

Pelan ini dianjurkan oleh **NUTP** dengan kerjasama **TAKAFUL NASIONAL SDN BERHAD** untuk semua ahli NUTP. Skim ini adalah yang terbaik, murah dan mudah untuk disertai.

Pembayaran Sumbangan yang Mudah
Sumbangan bulanan ditolak daripada gaji bulanan. Ini menjaminkan perlindungan yang berterusan tanpa sebarang gangguan dan ia menjimatkan masa. Pembayaran sumbangan oleh para peserta boleh dilakukan melalui Biro Angkasa (BPA).

Simpanan atau Dana
Simpanan adalah jumlah wang dalam Akaun Peserta dengan keuntungan, jika ada, yang dikreditkan di akhir tahun kewangan.

Pengeluaran Sebahagian Wang Tabung
Untuk tidak menggalakkan pemberhentian, peserta boleh mengeluarkan 50% daripada Akaun Peserta pada tahun ketiga penyertaan dan setelah mendapat kelulusan pihak Takaful Nasional.

Pengecualian Cukai Pendapatan
Ahli-ahli NUTP boleh mendapatkan pengecualian cukai pendapatan yang biasa bagi sumbangan yang dibayar. Penyata akan diberikan.

Perlindungan 24 jam di Seluruh Dunia
Pelan Mutiara Plus – Nilam Barakah akan melindungi peserta 24 jam di seluruh dunia.

DENGAN SIMPANAN RM1 SEHARI ATAU RM30 SEBULAN MANFAATNYA ADALAH SEPERTI BERIKUT :	
KEMATIAN BIASA	RM 30,000
KEMATIAN AKIBAT KEMALANGAN	RM 60,000
KEILATAN KEKAL MENYELURUH	RM 30,000
KEILATAN KEKAL MENYELURUH AKIBAT KEMALANGAN	RM 60,000
36 PENYAKIT KRITIKAL	RM 30,000
KHAIRAT KEMATIAN	RM 1,000
KEMASUKAN HOSPITAL - MINIMA 6 JAM	RM45 sehari

SKIM PELABURAN YANG MENGGALAKKAN TABUNGAN UNTUK BEKALAN DI HARI TUA ANDA

NILAI PULANGAN AKAUN PESERTA (AP)

Tahun	Sumbangan Asas Tahunan*	Sumbangan Terkumpul	Baki AP* (Akhir Tahun)
1	360	360	161
5	360	1,800	872
10	360	3,600	1,933
15	360	5,400	3,224
20	360	7,200	4,794
25	360	9,000	6,705
30	360	10,800	9,029
35	360	12,600	11,857

*Contoh Sumbangan RM30 sebulan
*Termasuk Jumlah Keuntungan Mudharabah jika kiraan pulangan pelaburan 4%

Yang Ikhlas,

Presiden
NUTP Malaysia

Setiausaha Agung
NUTP Malaysia

JENIS MANFAAT SERTA SUMBANGAN

Bil. Unit	Caruman Bulanan	Kematian Biasa	Kematian Kemalangan	Keilatan Kekal Penuh Biasa	Keilatan Kekal Penuh Kemalangan	Khairat Kematian Peserta	Manfaat Hospital (Harian)	Penyakit Kritikal	Keilatan Kekal Separa (Semua Akibat)
3	30	30,000	60,000	30,000	60,000	1,000	45	30,000	30,000
4	40	40,000	80,000	40,000	80,000	1,000	60	40,000	40,000
5	50	50,000	100,000	50,000	100,000	1,000	75	50,000	50,000
6	60	60,000	120,000	60,000	120,000	1,000	90	50,000	60,000
7	70	70,000	140,000	70,000	100,000	1,000	105	50,000	70,000
8	80	80,000	160,000	80,000	160,000	1,000	120	50,000	80,000
9	90	90,000	180,000	90,000	180,000	1,000	135	50,000	90,000
10	100	100,000	200,000	100,000	200,000	1,000	150	50,000	100,000

Syarat-syarat Penyertaan

- Pelan ini boleh disertai oleh semua ahli NUTP.
- Had umur mula ialah dari 18 tahun sehingga 55 tahun dan boleh dilanjutkan sehingga 60 tahun.
- Semua ahli NUTP dikehendaki mengisi Borang Permohonan.
- Penyertaan juga dibuka kepada pasangan peserta iaitu suami/isteri peserta.
- Anak-anak boleh turut serta, yang berumur 6 bulan hingga 19 tahun dan dilanjutnya sehingga 23 tahun sekiranya masih menuntut sepenuh masa.
- Sijil Akuan Penyertaan akan dikeluarkan kepada ahli yang menyertai.

Pengecualian Manfaat

Pengecualian manfaat adalah seperti yang dinyatakan di dalam kontrak induk.

Manfaat Dan Skop Perlindungan

Pelan ini menyediakan manfaat:

- Kematian Biasa dan Kemalangan
- Keilatan Kekal Menyeluruh – Biasa Dan Kemalangan
- Keilatan Separa Kekal Akibat Kemalangan
- Perbelanjaan Pengebumian
- Elaun Harian Hospital
- Penyakit Kritikal

Takrifan Keilatan Kekal Menyeluruh

Ianya bermaksud hilang upaya samada di sebabkan kecederaan atau penyakit yang menghalang terus ahli NUTP dari mencebur diri dalam apa-apa perniagaan, pekerjaan atau melakukan apa-apa kerja yang mendatangkan pampasan atau untung. Ianya hanya akan dianggap sebagai kekal apabila ianya berterusan tanpa terganggu selama sekurang-kurangnya enam bulan.

*Penting

Brosur ini hanya merupakan keterangan ringkas. Untuk mendapatkan bukti-bukti lengkap mengenai syarat dan peraturan, sila rujuk kepada kontrak anda.

Jadual pampasan untuk kehilangan anggota badan dan keilatan yang berkekalan :

Kehilangan anggota badan – pada skala berikut	Peratusan jumlah Perlindungan
Kehilangan kedua belah tangan	100%
Kehilangan kedua belah kaki	100%
Kehilangan sebelah tangan dan sebelah kaki	100%
Lumpuh yang menyebabkan terlantar buat selamanya	100%
Lumpuh sepenuh yang berkekalan	100%
Kehilangan kedua belah mata	100%
Kehilangan penglihatan kedua belah mata sepenuhnya	100%

SOALAN & JAWAPAN

S. Siapakah yang layak menyertai Pelan Mutiara Plus – Nilam Barakah ini ?
J. Semua ahli NUTP. Penyertaan juga dilanjutkan kepada pasangan (suami/isteri) dan anak-anak ahli NUTP.

S. Bolehkah saya bayar secara sendiri seperti tunai, cek, arahan tetap bank dan sebagainya ?
J. Tidak. Produk berkelompok diuruskendali secara berkumpulan dan seragam tidak memungkinkan diuruskan sebaliknya.

S. Bolehkah saya terus menyertai Pelan Mutiara Plus – Nilam Barakah ini sekiranya meletakkan jawatan dan tidak lagi menjadi ahli NUTP ?
J. Tidak. NUTP tiada lagi hubungan dengan anda sebagai ahli NUTP dan selanjutnya tidak ada lagi manfaat perlindungan dari Takaful Nasional.

S. Bilakah perlindungan saya akan matang atau tamat ?
J. Apabila anda mencapai umur persaraan iaitu 56 tahun atau sehingga umur maksima 60 tahun.

36 JENIS PENYAKIT KRITIKAL

- Serangan Jantung
- Strok
- Kanser
- Penyakit Arteri Koronari
- Pembedahan Aorta
- Lumpuh / Paraplegia
- Skelerosis Berbilang
- Kegagalan Buah Pinggang (Renal)
- Hepatitis Virus Fulminan
- Hipertensi Arteri Pulmonari Primer
- Distrofi Otot
- Poliomielitis
- Angioplasti Dan Rawatan Invasif Lain Bagi Penyakit Arteri Koronari
- Hilang Upaya Diri / Bebas
- Sindrom Apalik
- Pemindahan Organ Utama
- Atherectomi Koronari
- Hilang Penglihatan
- Hilang Pendengaran
- Hilang Pertuturan
- Luka Terbakar Teruk
- Trauma Kepala Utama
- Penyakit Terminal
- Tumor Otak Benigna
- Penyakit Parkinson
- Penyakit Paru-Paru Kronik
- Penyakit Hati Kronik
- Penyakit Neuron Motor
- Penyakit Aizheimer
- Meningitis Bakteria
- Koma
- Radang Otak – Ensefalitis
- Rawatan Laser Koronari
- Anaemia Aplastik
- Penyakit Arteri Koronari Yang Serius
- Penyakit Paru-Paru Peringkat Akhir

KENYATAAN AKHBAR TEMPATAN

Skim insurans untuk 130,000 guru

KUALA LUMPUR: Kira-kira 130,000 guru di seluruh negara kini berpeluang mendapat perlindungan kesihatan dengan caruman serendah RM10 sebulan melalui dua skim insurans baru yang diperkenalkan Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP).

Skim insurans berkenaan yang diperkenalkan dengan kerjasama Takaful Nasional Sdn Bhd menawarkan Pakej Pelan Takaful Mutiara Plus terdiri dua produk iaitu Delima Barakah dan Nilam Barakah.

Presiden NUTP, Anuar Ibrahim, berkata skim berkenaan diwujudkan untuk membantu ahlinya mengambil langkah awal melindungi diri dari keluarga daripada kemelut kewangan akibat masalah kesihatan.

ANUAR...RM10 sebulan

Beliau berkata, skim berkenaan tidak membebankan dari segi kewangan kerana ia disediakan dalam pakej yang murah dan mamput dibeli semua guru tidak kira tangga gaji.

"Seperti yang kita tahu, kerja sebagai guru ini banyak tekanannya dan mereka mempunyai risiko mendapat pelbagai jenis penyakit kritikal.

"Kita mahu semua guru dapat manfaat daripada pakej perlindungan baru ini tidak kira baru mula kerja atau sudah lama, kerana itu ia murah saja, Kita perkenalkan dua jenis produk untuk beri pilihan kepada mereka memilih," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar di pejabat NUTP, di sini semalam selepas majlis menandatangani perjanjian persefahaman skim insurans berkenaan antara NUTP dengan Takaful Nasional Sdn Bhd

Guru ditawar skim insurans perlindungan

KUALA LUMPUR 13 Sept. – Para gu kini boleh mendapatkan insurans perli dungan diri menerusi pakej pelan Takaf Mutiara Plus yang dilancarkan hari ini be melindungi mereka yang terdedah kepac risiko kemalangan semasa bertugas.

Presiden Perkhidmatan Perguruan K bangsaan (NUTP), Anuar Ibrahim berkat pakej itu dilancarkan bagi membantu al li-ahlinya seramai 130,000 orang mend patkan perlindungan diri menerusi pela yang murah dan terjamin.

"Perlindungan diri semakin penting u tuk guru-guru hari ini memandangk mereka terlibat dalam aktiviti kokuriku lum selama tiga jam seminggu.

"Aktiviti tersebut dilakukan sama ada kawasan sekolah, di luar waktu ker ataupun di luar kawasan sekolah seper membawa pelajar menghadiri pertand ngan bahas, bola sepak, forum dan jug aktiviti rindah," jelas Anuar.

Beliau berkata demikian pada sidan akhbar selepas menandatangani perjanjia persefahaman antara NUTP dengan Taka ful Nasional Sdn. Bhd. di sini, hari ini.

Memperoleh

Menurut Anuar, skim perlindungan diri itu adalah yang kesmpat pernah dilancarkan NUTP untuk anggotanya yang selama ini hanya memperoleh wang ugan hati daripada kerajaan jika berlaku kemalangan.

Menurut beliau, pelan yang menawarkan dua produk, Delima Barakah dan Nilam Barakah itu turut menyediakan perlindungan diri kepada anggota keluarga, faedah perubatan serta pakej simpanan yang tinggi.

Sehingga hari ini, kata Anuar, sebanyak 30 hingga 40 peratus daripada ahli-ahlinya mengambil skim perlindungan diri dan perubatan itu.

Ditanya tentang kegiatan 'gangsterisme' di kalangan pelajar sekolah, Anuar menyarankan kebimbangannya terhadap kegiatan itu yang semakin berleluasa.

Bagaimanapun katanya, keadaan masih terkawal dan beliau berharap semua pihak bekerjasama untuk mengawasi anak-anak daripada terjebak dalam kegiatan yang tidak bermoral itu.

"Perbuatan itu sebenarnya berlaku di sekolah-sekolah di merata dunia tetapi di negara ini belum sampai ke peringkat kritikal," jelasnya.

Dalam perkembangan lain, Anuar memberitahu, NUTP telah beberapa kali mengemukakan cadangan kepada kerajaan untuk menggugurkan penerapan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) kepada guru-guru yang berusia melebihi 50 tahun.

Guru dalam kumpulan usia itu kata beliau, dicadangkan diukur prestasi mereka mengikut jawatan yang disandang serta kursus-kursus yang pernah diikuti.

Sebarang pertanyaan, sila hubungi :

AGENSI IKHLAS JAYA
35A, Jalan Teras Jernang 27/8
40000 Shah Alam
Selangor
Tel: 03 5191 7360
Faks: 03 5192 4866

Atau hubungi pegawai-pegawai berikut :

Rohana - 013 985 9396
Roslan - 012 200 1259
Thana - 012 203 3965

Takaful Nasional

Takaful Nasional Sdn Berhad (266243D)
Aras 14, Bangunan Dato Zainal
50100 Kuala Lumpur
Tel : 03-2612 5000
Fax: 03-2698 1010

TAKAFUL WARGA PENDIDIK

PELAN SIMPANAN MUTIARA PLUS - NILAM BARAKAH

Agensi Ikhlas Jaya
35A, Jln Teras Jernang
40000 Shah Alam
Selangor.
Tel : 03-5191 7360
Fax: 03-5192 4866

Permohonan Pelan Takaful Keluarga MUTIARA PLUS

SIMPANAN 43%

Akta Takaful 1984 — Menurut Seksyen 28 Akta ini anda dikenhendaki menerangkan dengan penuh dan benar segala butir yang anda tahu atau harus tahu diatas borang permohonan ini, jika tidak sijil yang dikeluarkan akan dianggap tidak sah.

Untuk Ahli NUTP Sahaja

☐ Permohonan Baru

Pemegang Kontrak Induk: **KESATUAN PERKHIDMATAN PERGURUAN KEBANGSAAN MALAYSIA**

PERHATIAN: SILA SERTAKAN SALINAN KAD PENGENALAN DAN SLIP GAJI TERBAHARU (UNTUK AHLI NUTP SAHAJA) BERSAMA-SAMA DENGAN BORANG PERMOHONAN INI.

Sumbangan Bulanan : **RM 30.00**

☐ Peningkatan Sumbangan

Dari RM _____ ke RM _____

(Nyatakan No. Sijil Asal) _____

Nama Pemohon (Huruf Besar):

Pekerjaan : _____ No. Kad Pengenalan/Pasport :

Alamat Pejabat (Dengan Poskod) : _____

Tarikh Lahir : Berat : ____kg Tinggi : ____sm Jantina : L ☐ P ☐

No. Telefon (R) : No. Kakitangan:

No. Telefon (P) : No. Gajji :

No. Ahli : Pusat Pembayaran :

Untuk Isteri/Suami Ahli (Sekiranya Ingin Turut Menyertai)

Nama Pemohon (Huruf Besar):

Pekerjaan : _____ No. Kad Pengenalan/Pasport :

Tarikh Lahir : Berat : ____kg Tinggi : ____sm Sumbangan Bulanan : **RM 30.00**

Butir-butir Kesihatan

	Pemohon		Isteri/Suami	
1. Pernahkah permohonan takaful keluarga/insuran nyawa, keilatan atau kemalangan anda ditolak, ditunda atau diterima dengan peruntukan khas atau masih dalam pertimbangan?	☐ Ya	☐ Tidak	☐ Ya	☐ Tidak
2. Pernahkah anda diuji, menerima nasihat perubatan, runding cara atau rawatan berhubung Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau penyakit berkaitan AIDS atau penyakit kelamin berjangkit atau disahkan positif bagi ujian anti HIV dan Hepatitis B?	☐ Ya	☐ Tidak	☐ Ya	☐ Tidak
3. Pernahkah anda menjalani, diberitahu untuk menjalani atau pernah menerima rawatan atau nasihat berhubung dengan penyakit kencing manis, sakit jantung, tekanan darah tinggi, sakit buah pinggang, barah, ketumbuhan, angin ahmar, penyakit limpa, pemindahan organ atau sebarang penyakit atau gangguan pada sistem-sistem di badan.	☐ Ya	☐ Tidak	☐ Ya	☐ Tidak
4. Adakah anda akan atau telah terlibat dalam sukan atau kerjaya yang merbahaya dan penerbangan selain, sebagai penumpang bertambang.	☐ Ya	☐ Tidak	☐ Ya	☐ Tidak

Sekiranya ada jawapan pada soalan di atas ditanda "Ya" sila berikan keterangan penuh di bawah ini dan catatkan sama ada pemohon atau suami/isteri, nombor soalan / jenis rawatan / pemeriksaan / kecederaan / nama atau tempat rawatan / tarikh dan tempoh rawatan, ATAU sertakan dokumen berkaitan

Catatan: _____

Pengakuan

Saya/kami dengan ini mengaku bahawa semua pernyataan di atas dan dokumen yang disertakan berhubung dengan permohonan ini adalah lengkap dan benar sepanjang pengetahuan dan kepercayaan saya/kami. Saya/kami mengizinkan Takaful Nasional Sdn. Berhad untuk memperolehi keterangan daripada doktor yang pernah merawat saya/kami atau daripada Syarikat Takaful/Insurans yang pernah saya/kami pohon untuk perlindungan takaful/insurans nyawa. Saya/kami bersetuju bahawa pernyataan dan akuan yang terkandung dalam Borang Permohonan ini akan menjadi asas kepada perjanjian takaful antara saya/kami dengan Takaful Nasional Sdn.Bhd. dan disifatkan sebagai digabungkan dalam perjanjian ini.

Saya/kami juga bersetuju bahawa berdasarkan kepada prinsip Al-Mudharabah dan lain-lain hukum Syarak yang berkaitan sebanyak 43% daripada sumbangan takaful yang saya bersetuju untuk membayar kepada Takaful Nasional Sdn.Berhad dikreditkan ke dalam Akaun Peserta saya/kami dengan Syarikat. Bakinya sebanyak 57% dikreditkan ke dalam Akaun Khas Peserta sebagai 'Tabarru' (derma) untuk membolehkan pihak Syarikat membayar Manfaat Takaful kepada peserta-peserta yang berhak. Saya/kami seterusnya bersetuju Syarikat menguruskan pelan ini termasuk pelaburan atas sumbangan tersebut dengan cara yang ditentukan bersesuaian oleh Syarikat dan atas pertimbangan itu saya/kami adalah berhak ke atas Manfaat Takaful dan berkongsi keuntungan pelaburan dari Akaun Peserta serta lebihan bersih (keuntungan) Akaun Khas Peserta, jika ada, mengikut nisbah 80% kepada saya/kami dan 20% kepada Syarikat mengikut syarat dan peraturan yang terkandung di dalam perjanjian ini.

Saya/kami dengan ini mengaku setelah membaca dan memahami peraturan berkaitan dengan Pelan di atas, dengan ini untuk memohon untuk menyertai Pelan tersebut dan bersetuju untuk mematuhi segala peraturan Pelan tersebut. Saya/kami bersetuju membayar RM_____ sebulan sebagai sumbangan untuk Pelan tersebut dan memberi kebenaran kepada _____ memotong sejumlah yang sama dari gaji saya/kami.

Adalah saya/kami bersetuju segala manfaat yang didapati di bawah pelan ini dibayar kepada Akaun saya/kami dengan NUTP yang mengendalikan Pelan ini. NUTP berhak menuntut apa-apa hutang saya/kami daripada manfaat Pelan ini sebelum dibayar kepada saya/kami atau waris saya/kami.

Tandatangan Peserta	Tarikh	Tandatangan Peserta (Suami/Isteri)	Tarikh
Tandatangan Saksi 1	Tarikh	Tandatangan Saksi 2	Tarikh

Nama : _____ Nama : _____

No. K/P : _____ No. K/P : _____

Sila poskan borang yang diisi dengan lengkap ke **AGENSI IKHLAS JAYA** di alamat **35A, Jln Teras Jernang 27/8, 40000 Shah Alam, Selangor**
Untuk maklumat lanjut, sila hubungi pejabat di talian: 03-5191 7360 faks: 03-5192 4866 atau hubungi pegawai-pegawai berikut:
Rohana : 013-985 9396 Roslan : 012-200 1259 Thana : 012-203 3965

Pengakuan Wakil / Pemegang Kontrak Induk

Kami dengan ini mengaku bahawa maklumat yang terkandung di dalam borang permohonan ini sahajalah maklumat yang diberikan kepada kami oleh pemohon dan kami tidak menyimpan maklumat lain yang mungkin dapat mempengaruhi penerimaan permohonan ini atau membuat pernyataan kepada pemohon yang bertentangan dengan peruntukan seperti yang terkandung di dalam sijil rasmi yang dikeluarkan oleh Takaful Nasional Sdn.Bhd.

Tarikh	Nama	Cop Organisasi	Tandatangan

Untuk Kegunaan Takaful Nasional Sdn.Bhd.

Nombor Skim | | | | | | | | | | |

Nombor Sijil | | | | | | | | | | |

Tarikh Kuatkuasa | | | | | | | | |

Sumbangan Asal : RM _____ Baru RM _____

Disemak : _____

Diluluskan : _____